

# ASEAN perlu berani, tingkat kebolehsuaian hadapi cabaran global

Malaysia sebagai pengerusi gelas tugas perbaharui semangat, hala tuju agar blok serantau kekal utuh

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyeru anggota ASEAN terus memperkukuh perpaduan serta meningkatkan kebolehsuaian dan matlamat bersama dalam mendepani landskap global yang kian tidak menentu.

Beliau berkata, Kepengerusan ASEAN oleh Malaysia tahun ini membawa bersama tanggungjawab yang besar bukan sahaja untuk memimpin blok serantau itu, tetapi juga memperbaharui semangat serta hala tuju ASEAN dalam dunia yang berubah dengan pantas.

"Kepimpinan bukan sesuatu yang bersifat rutin, ia adalah satu pilihan; untuk menentukan keutamaan, memperbaharui semangat dan tujuan ASEAN serta merintis haluan yang sepadan dengan harapan rakyat kita," katanya berucap pada majlis perasmian Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 dan Sidang Kemuncak Berkaitan di sini, semalam.

Anwar berkata, 2025 menghardirkan cabaran baharu kepada ASEAN apabila ketidakpastian global terus meningkat disertai dinamik geopolitik yang sentiasa berubah dan gangguan ekonomi yang menguji ketahanan serta tekad bersama rantau ini.

"Di seluruh rantau, kita menyaksikan persaingan yang semakin meningkat serta ketidakpastian yang bertambah. Cabaran silang ini bukan sahaja menguji ekonomi kita, malah menguji ketahanan bersama untuk berpegang pada kerjasama, untuk percaya bahawa persefahaman dan dialog masih mampu menang pada era yang semakin terpecah," katanya.

Perdana Menteri berkata, meskipun berdepan pelbagai cabaran, kekuatan ASEAN terletak pada kepelbagaian serta komitmen berterusan terhadap rasa hormat dan pertimbangan wajar, nilai yang terus menyatukan rantau ini.

Anwar berkata, Visi Komuniti ASEAN 2045 yang diterima pakai



Anwar berucap pada majlis perasmian Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 dan Sidang Kemuncak Berkaitan di KLCC, semalam. (Foto BERNAMA)



pada Mei, mencerminkan aspirasi blok serantau itu untuk memperkukuh perpaduan dan kepusatannya, mengejar pertumbuhan yang inklusif serta mampan dan memastikan kesejahteraan generasi akan datang.

Beliau turut menyentuh mengenai penubuhan Rangkaian Keselamatan AI ASEAN (AI SAFE), inisiatif bertujuan menamakan prinsip etika, keselamatan dan tadbir urus yang baik dalam penggunaan kecerdasan buatan di seluruh rantau.

Perdana Menteri berkata, Malaysia menganjurkan Sidang Kemuncak ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk (GCC) kedua dan Sidang Kemuncak ASEAN-GCC-China awal tahun ini yang menekankan pengukuhan penglibatan rantau ini dengan rakan kongsi global.

Anwar berkata, usaha ASEAN untuk memperkukuh kerjasama ekonomi diteruskan melalui Sidang Kemuncak Pemimpin Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) kelima hari ini, dengan sasaran merealisasikan potensi penuh kawasan perdagangan bebas terbesar di dunia.

Beliau turut menyambut baik penyertaan Brazil dan Afrika Selatan sebagai Tetamu Pengerusi pada Sidang Kemuncak Asia Timur Ke-20 dengan menyifatkannya sebagai langkah penting dalam memperluas pembabitan ASEAN dengan negara-negara

BRICS dan G20 serta memperkukuh hubungan rantau ini dengan Selatan Global.

"Masa depan ASEAN tidak akan ditentukan oleh keadaan semata-mata. Ia akan ditentukan oleh pilihan yang kita buat hari ini," katanya.

Anwar berkata, ASEAN perlu berani menempa kerjasama baharu dan berpandangan jauh untuk mengeratkan jalinan sedia ada dalam menempuh dasar perlindungan yang meningkat dan perubahan rantaian bekalan.

"ASEAN tidak boleh berada pada tahap sama," katanya sambil menekankan daya tahan bergantung pada kemampuan untuk membuat penyesuaian.

Anwar yang mempengerusikan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47, berkata keamanan dan kemakmuran yang dinikmati ASEAN selama hampir enam dekad tidak kekal dengan sendirinya dan perlu diperbaharui melalui kerjasama dan diperkukuhkan melalui matlamat bersama.

"Oleh itu, ASEAN memperkukuh hubungan ekonomi, memperluas perdagangan dan meningkatkan daya saing," katanya.

Mengangkat tema "Keterangkuman dan Kemampanan" dalam ASEAN, Anwar turut mengumumkan Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN yang dinaik taraf akan dilancarkan pada sidang kemuncak ini, yang akan mewujudkan pasaran serantau yang lebih lancar memanfaatkan pasaran, kecekapan dan peluang untuk sektor perniagaan dan tenaga kerja.

"Esok (hari ini), Sidang Kemuncak Pemimpin Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau Ke-5 diadakan memacu kawasan perdagangan bebas terbesar dunia ke arah potensi penuhnya," katanya. BERNAMA